



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM TERUS KOMITED BERI KESEDARAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL KEPADA MASYARAKAT

PAHANG, 26 OGOS – Negeri Pahang menjadi destinasi keenam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menganjurkan siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual. Jerayawara ini telah dirasmikan oleh YB Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Isu gangguan seksual perlu diberi perhatian yang khusus kerana ia boleh mendorong kepada perlakuan jenayah seksual lain yang lebih berat dan serius seperti serangan atau keganasan seksual termasuk ugutan dan rogol. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022. Statistik turut menunjukkan 90 peratus daripada kes gangguan seksual melibatkan mangsa dalam kalangan kaum wanita. Bagi negeri Pahang sendiri, pada tahun 2022, **terdapat 15 kes gangguan seksual di mana 13 kes atau 87 peratus adalah melibatkan gangguan seksual terhadap kaum wanita**. Selain itu, kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak juga adalah di tahap membimbangkan iaitu berjumlah **35 kes atau 7.3% pada tahun 2022 di seluruh negara**. Bagi negeri Pahang pula, terdapat satu (1) kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak.

KPWKM komited menganjurkan program jerayawara ini dalam usaha memastikan masyarakat lebih cakna mengenai isu gangguan seksual selaras dengan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] iaitu satu manifestasi Kerajaan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia dan tidak seharusnya dinormalisasikan dalam masyarakat.

Menerusi Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual, pengunjung diberikan pendedahan, pengetahuan serta mendidik kepentingan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual. Pelbagai program menarik dan bermanfaat berkaitan antigangguan seksual juga telah disusun sepanjang program jerayawara ini seperti advokasi antigangguan seksual, taklimat pengendalian kes kesalahan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), taklimat perintah perlindungan kecemasan (EPO), taklimat pengendalian kes gangguan seksual dari perspektif undang-undang dan pameran daripada agensi-agensi lain termasuk agensi di bawah KPWKM.

Program peringkat Negeri Pahang hari ini turut dihadiri oleh YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, YBrs. Dr Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), YBrs. Dr. Hajah Faridah Awang, Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Puan Ismayati binti Ismail, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

HENTIKAN GANGGUAN SEKSUAL!

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 OGOS 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8323 2037

 kpwkm  kpwkm  kpwkm  kpwkmtv  kpwkm